



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

INSIDEN SIMBAH CAT DI KK MART UNIVERSITI MALAYA

Saya ingin menegaskan bahawa **tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat keharmonian negara** yang kita bina bersama selama ini. Perpaduan dan keharmonian adalah aset terpenting negara kita yang berbilang kaum, budaya, dan agama.

Mutakhir ini, terdapat tindakan dan kenyataan tertentu mencetuskan ketegangan dalam kalangan rakyat, khususnya apabila berlakunya pelbagai insiden menganggu gugat keharmonian rakyat, termasuk baru-baru ini di sebuah cawangan kedai serbaneka KK Mart di Universiti Malaysia yang disimbah cat merah oleh individu tidak bertanggungjawab. Ketika ini, isu berkenaan penjualan produk sandwich ham dan keju telah berada dalam siasatan pihak berkuasa (Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan penguatkuasa KPDN). Oleh itu, saya memohon agar semua pihak tidak mengeruhkan keadaan lagi dengan mengeluarkan atau membuat tindakan provokasi.

Saya ingin mengingatkan bahawa setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara kekal terjamin. Saya ingin menggesa agar semua pihak, sama ada individu mahupun kumpulan, tidak melakukan apa-apa tindakan atau kenyataan yang boleh merosakkan hubungan baik antara kaum dan agama di Malaysia. Sebaliknya, kita perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab dalam memperkuuh hubungan antara masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Kehidupan berbilang kaum dan agama di Malaysia ini bertunjangkan prinsip saling memahami, menghormati, dan menerima. Prinsip ini selari dengan nilai-nilai murni yang terkandung dalam **Rukun Negara serta prinsip integrasi nasional iaitu Faham, Hormat dan Terima**. Sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah kemajuan, amat penting bagi kita untuk terus menghormati nilai-nilai ini sebagai asas perpaduan nasional. Apa-apa tindakan atau ucapan yang melanggar prinsip-prinsip ini harus dihentikan segera demi menjaga keamanan yang telah lama kita nikmati.

Di pihak kerajaan, pelbagai usaha sedang dan akan terus dilaksanakan untuk memperkuuh perihal pengurusan perpaduan dan keharmonian. Untuk makluman, Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan**, dan akan meluaskan perkhidmatan **Mediator Komuniti** di peringkat akar umbi serta penggunaan **sistem e-Sepakat** akan diperluaskan kepada orang ramai bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan.

Saya juga ingin menekankan bahawa perpaduan bukanlah tugas eksklusif kerajaan semata-mata, tetapi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia. Dalam era digital ini, tanggungjawab ini menjadi lebih penting apabila kita berkomunikasi di platform media sosial. Saya menyeru semua pihak untuk menggunakan media sosial dengan bijak, mengelakkan sebarang provokasi, dan sentiasa mengutamakan perpaduan.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
22 JANUARI 2025**